

بَابُ إِذَا أَصَابَ تَوْبُ الْمُصَلِّي أَمْرًا إِذَا سَجَدَ

19- Bab Jika Ketika Bersujud Kain Seseorang Yang Sedang Bersembahyang Terkena Isterinya.⁴⁵⁹

٣٦٦ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ عَنْ خَالِدٍ قَالَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ الشَّيْبَانِيُّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَدَادٍ عَنْ مَيْمُونَةَ قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَأَنَا حِذَاءَهُ وَأَنَا حَائِضٌ وَرُبَّمَا أَصَابَنِي تَوْبُهُ إِذَا سَجَدَ قَالَتْ وَكَانَ يُصَلِّي عَلَى الْخُمْرَةِ

366- Musaddad meriwayatkan kepada kami daripada Khalid, katanya, Sulaiman al-Syaibani meriwayatkan kepada kami daripada `Abdillah bin Syaddad daripada Maimunah, katanya: “Rasulullah s.a.w. bersembahyang dalam keadaan aku berada di sampingnya, padahal aku

hadits ilaa' yang sebahagiannya telah disebutkan di awal hadits ini. Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keharusan bersembahyang di atas sutuh atau loteng dan kayu. Demikianlah pendapat jumhur `ulama'. (2) Nabi s.a.w. juga seperti orang-orang lain daripada segi terdedah kepada bahaya dan menderita kesakitan. (3) Dalam keadaan uzur seseorang tidak perlu ke masjid untuk bersembahyang walaupun rumahnya hampir dengan masjid. (4) Sah sembahyang fardhu seorang diri di rumah. (5) Sesetengah sembahyang sunat boleh dilakukan secara berjema'ah. (6) Bulan qamari tidak sentiasa penuh 30 hari. Adakalanya ia hanya 29 hari sahaja. (7) Di dalam sembahyang berjema'ah, ma'mum mestilah mengikut imam dengan sempurna. (8) Seseorang digalakkan juga beribadat walaupun ketika sakit. (9) Keharusan bersembahyang sambil duduk ketika tidak mampu berdiri.

⁴⁵⁹ Ada beberapa tujuan Bukhari r.a. mengadakan bab ini. Antaranya ialah untuk menyatakan perkara-perkara berikut: (1) Hukum sembahyang seseorang yang kainnya terkena wanita ketika bersembahyang. Adakah kerana terkena wanita itu sembahyangnya terbatal atau adakah dengan itu bererti telah berlaku sesuatu yang makruh di dalam sembahyangnya? Dengan mengemukakan hadits Maimunah di bawahnya Imam Bukhari r.a. secara tidak langsung menjawab persoalan ini iaitu tidak terbatal sembahyangnya dan tidak juga berlaku sesuatu yang makruh. (2) Syarat kedua untuk sahnya sembahyang seseorang ialah suci dan bersih tempat sembahyangnya. Maksud suci dan bersih tempat itu ialah suci dan bersihnya daripada najis `aini, bukan najis hukmi. Oleh itu sembahyang seseorang yang kainnya mengenai tubuh atau kain perempuan berhaidh (yang tidak terkena najis), tidak akan terbatal atau menjadi kurang dan cacat meskipun perempuan itu sedang dalam kekotoran kerana haidhnya. Sebabnya ialah kekotoran tubuh perempuan yang sedang berhaidh itu adalah kekotoran hukmi (najasah hukmiyyah) bukan `aini. Kecualilah kalau kain orang yang bersembahyang itu mengenai darah haidh itu sendiri. Kerana darah haidh adalah najis `aini. (3) Demikian juga sebaliknya jika kain perempuan mengenai seseorang lelaki yang sedang bersembahyang, sama ada perempuan yang datang bulan atau tidak. Misalnya jika sebahagian daripada selimut atau kain kelubung perempuan itu terhampar di tempat sujud seseorang lelaki yang sedang bersembahyang, lalu lelaki itu bersujud di atasnya. Sembahyangnya juga sah tanpa sebarang kekurangan dan kecacatan. (4) Sembahyang seseorang tidak terbatal dengan sebab adanya najis `aini di tempat yang berdekatan dengan tempat sembahyangnya. Sama ada di sebelah hadapan, belakang, kiri, kanan, atas atau bawahnya, selagi ia tidak mengenai tubuh atau kain yang dipakai oleh orang yang bersembahyang itu. (5) Mungkin sekali timbul kekeliruan di dalam fikiran orang yang berpendapat bahawa menyentuh wanita atau bersentuhan kulit dengannya membatalkan wudhu'. Kekeliruan yang mungkin timbul di dalam fikiran orang yang berpendapat begitu ialah walaupun sembahyang seseorang yang kainnya terkena wanita tidak terbatal, namun ia boleh jadi makruh. Melalui bab ini dan hadits di bawahnya Bukhari r.a. mahu menghapuskan kekeliruan itu dengan alasan Nabi s.a.w. tidak melakukan sesuatu yang makruh. (6) Keharusan bersembahyang di suatu tempat yang berdekatan dengan wanita, sama ada wanita itu sedang jaga atau tidur. Tidurnya itu sama ada dengan melintang di hadapan orang yang bersembahyang atau dengan membujur di sebelahnya. Keharusan ini tidak khusus untuk lelaki sahaja, malah ia juga untuk perempuan.

(ketika itu) sedang berhaidh. Kadang-kadang kainnya terkena aku apabila beliau bersujud”. Kata Maimunah: “Nabi s.a.w. bersembahyang di atas khumrah (sejadah kecil sekadar cukup untuk meletakkan muka ketika bersujud).”⁴⁶⁰

بَابُ الصَّلَاةِ عَلَى الْحَصِيرِ وَصَلَّى جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ وَأَبُو سَعِيدٍ فِي السَّفِينَةِ قَائِمًا وَقَالَ الْحَسَنُ قَائِمًا مَا لَمْ تُشَقَّ عَلَى أَصْحَابِكَ تَدُورُ مَعَهَا وَإِلَّا فَقَاعِدًا

20- Bab Bersembahyang Di Atas Tikar.⁴⁶¹ Jabir Bin `Abdillah Dan Abu Sa`id Bersembahyang Di Dalam Perahu Sambil Berdiri.⁴⁶² Hasan Berkata: “Bersembahyanglah

⁴⁶⁰ Antara hukum dan pengajaran yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keharusan bergaul rapat dengan perempuan yang berhaidh. (2) Kesucian badan dan kain perempuan yang datang bulan. (3) Sembahyang seseorang tidak terjejas jika kain yang dipakainya semasa bersembahyang mengenai perempuan. Walaupun perempuan itu sedang berhaidh. (4) Boleh bersembahyang di atas khumrah (sejadah kecil sekadar cukup untuk meletakkan muka ketika bersujud). Bersembahyang di atasnya tidak makruh. (5) Sembahyang seseorang dekat perempuan yang tidak bersembahyang bersamanya atau berdiri dan duduk sejajar dengan perempuan ketika bersembahyang dalam keadaan perempuan berkenaan tidak turut bersembahyang bersamanya adalah sah. (6) Kemesraan Rasulullah s.a.w. dengan isterinya. (7) Menurut ajaran Islam, untuk merapatkan diri kepada Allah, seseorang tidak dikehendaki menjauhkan diri daripada wanita.

⁴⁶¹ Tajuk bab ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian. (1) Bersembahyang Di Atas Tikar. (2) Jabir Bin Abdillah Dan Abu Sa`id Bersembahyang Di Dalam Perahu Sambil Berdiri. (3) Hasan Berkata: “Bersembahyanglah Sambil Berdiri (Di Dalam Perahu) Selagi Kamu Tidak Menyukarkan Kawan-Kawanmu. (Bagaimanapun) Kamu (Hendaklah) Berpusing Dengan Berpusingnya Perahu Itu (Untuk Terus Mengadap Qiblat Apabila Perahu Itu Berpusing Ke Arah Yang Lain). Tetapi Kalau Menyukarkan Mereka, Maka Bersembahyanglah Sambil Duduk.” Hafiz Ibnu Hajar, al-`Aini, Ibnu al-Munayyir, Syah Waliyyullah dan kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari r.a. berpendapat tujuan Bukhari r.a. mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan keharusan bersembahyang di atas tikar di samping mahu menjelaskan maksud sabda Nabi s.a.w. yang berbunyi: *وجعلت لي الأرض مسجداً وطهوراً*. Bermaksud: “Dan bumi ini telah dijadikan untukku sebagai masjid (tempat bersembahyang) dan sebagai bahan untuk bersuci.” Bahawa ia sama sekali tidak bererti seseorang mestilah bersembahyang di atas bumi tanpa berlapak. Sembahyangnya di atas benda-benda lain seperti tikar, sejadah dan lain-lain juga sah jika ia bersih. Tidak juga ia bererti bahawa syarat untuk sahnya sembahyang seseorang mestilah dia bersujud di atas bumi atau tanah tanpa menggunakan sebarang pelapik yang menghalang dahinya daripada bumi. Imam Bukhari r.a. juga mahu menjelaskan kedudukan beberapa hadits Nabi s.a.w. yang terang-terang menyuruh para sahabatnya supaya melekatkan atau mengenakan dahi di tanah apabila bersujud. Antaranya ialah hadits-hadits berikut: (1) Sabda Nabi s.a.w. kepada Aflah atau Rabaah: *(تَرَبَّ وَجْهَكَ)* “Biarlah tanah mengenai mukamu (dahimu ketika bersujud) atau kenakan mukamu (dahimu ketika bersujud) di tanah.” Dengan lafaz seperti ini juga Nabi s.a.w. dilaporkan ada berkata kepada Shuhaib dan Zaid bin Tsabit. (2) Sabda beliau s.a.w. kepada Mu`aaz: *(عَقْرُ وَجْهَكَ)* “Lekatkan mukamu (dahimu ketika bersujud) di tanah.” Bagi Bukhari r.a. tidak ada satu pun hadits-hadits seperti itu sahih atau pun hasan. Imam Ahmad, Tirmizi, Baihaqi, Ibnu Ma`iin, Abu Hatim, Daraquthni, Nasaa`i, Abu Ahmad al-Hakim, al-Khathib dan lain-lain mengatakan hadits Aflah atau Rabah diriwayatkan daripada Ummi Salamah. Di dalam isnadnya terdapat Abu Hamzah, Maimun al-A`war. Dia adalah seorang perawi sangat dha`if dan matruk. Hadits Zaid bin Tsabit juga sangat dha`if. Sementara hadits Shuhaib pula adalah hadits mursal (yang dha`if). Abu Hamzah al-A`war mempunyai mutaabi` dalam meriwayatkan hadits ini iaitu Sa`id bin Abi `Utsman al-Warraaq. Tetapi dia adalah seorang perawi majhul. Kerana itu tepat sekali jika kita katakan bahawa semua hadits Aflah atau Rabah daripada Ummi Salamah adalah dha`if. Jika diterima sekalipun hadits itu, paling tinggi ia memberi erti mustahab atau elok sahaja. Untuk disimpulkan bahawa melekatkan atau mengenakan dahi di tanah ketika bersujud merupakan syarat untuk sahnya sembahyang, sama sekali hadits seperti ini tidak dapat dijadikan dalil. Sabda Nabi s.a.w. kepada Mu`aaz dengan lafaz: *(عَقْرُ وَجْهَكَ)*, tidak dapat dikesan di dalam kitab-kitab Ashab al-Asaanid. Ia hanya tersebut di dalam kitab-kitab syarah hadits seperti

Irsyadu as-Sari, 'Umdat al-Qari dan lain-lain tanpa sanad. Kerana itu ia tidak boleh dipertanggungjawabkan. Dengan mengatakan: *باب الصلاة على الخصير* (Bab Bersembahyang Di Atas Tikar...), Imam Bukhari r.a. mengisyratkan kepada kedha'ifan hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah daripada Syuraih bin Haani', bahawa dia pernah bertanya 'Aaisyah r.a.: "Adakah Nabi s.a.w. bersembahyang di atas al-hashir? Sedangkan Allah berfirman di dalam al-Qur'an: *وجعلنا جهنم للكافرين حصيرا*. Bermaksud: dan Kami jadikan neraka Jahannam penjara bagi orang-orang kafir (pada hari Akhirat). al-Israa':8). 'Aaisyah r.a. menjawab: "Tidak, beliau tidak bersembahyang di atas al-hashir." Di dalam ayat ini Allah telah menggunakan perkataan *حصير*. Walaupun ma'na hashir yang dipakai di dalam ayat ini ialah penjara, tetapi ma'na asalnya ialah tikar. Di sini sudah terdapat perkongsian nama (*الاشتراك الاسمي*). Jika dipakai dalam ma'nanya yang asal, maka ayat itu bererti; dan Kami jadikan neraka Jahannam tikar bagi orang-orang kafir. Tikar disebut Allah sebagai tempat duduk untuk menyiksa orang-orang kafir di dalam neraka. Kalau begitu bukankah ia tidak sesuai digunakan untuk beribadat (bershalat)? Dengan itu hukum bersembahyang di atas tikar mungkin sekurang-kurangnya makruh! Hadits ini dha'if dan munkar kerana di dalam isnadnya ada seorang perawi dha'if bernama Yazid bin Miqdaam. Selain itu ia bercanggah dengan riwayat Anas yang sahih di dalam bab ini dan riwayat 'Aaisyah r.a. sendiri di mana beliau berkata: "Sesungguhnya Nabi s.a.w. mempunyai tikar. Beliau s.a.w. menghamparnya dan bersembahyang di atasnya." Muslim, Ahmad, tarmizi, Baihaqi, Abu 'Awaanah dan lain-lain pula meriwayatkan daripada Abi Sa'id al-Khudri bahawa beliau melihat Nabi s.a.w. bersembahyang di atas tikar dan baginda s.a.w. bersujud di atasnya. Perkongsian nama semata-mata tidaklah memberi kesan dalam masalah hukum. Apalagi apabila telah terbukti Nabi s.a.w. sendiri menggunakan tikar untuk bersembahyang. Maka tidak ada jalan lagi untuk anda mengatakan bersembahyang di atas tikar makruh atau tidak elok.

⁴⁶² Atsar Jabir bin Abdilllah dan Abu Sa'id ini merupakan bahagian kedua bab ini. Ia diwashalkan oleh Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya. Berikut ialah teksnya:

حَدَّثَنَا مَرْوَانُ بْنُ مُعَاوِيَةَ، عَنْ حُمَيْدٍ، قَالَ: سَأَلْتُ أَنَسَ عَنِ الصَّلَاةِ فِي السَّقِينَةِ؟ فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي عَثِيَّةٍ مَوْلَى أَنَسٍ، وَهُوَ مَعَنَا جَالِسٌ: سَافَرْتُ مَعَ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، وَأَبِي الدَّرْدَاءِ، وَجَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ حُمَيْدٌ: وَأَنَاسٌ قَدْ سَمَّاهُمْ، فَكَانَ إِمَامَنَا يُصَلِّي بِنَا فِي السَّقِينَةِ قَائِمًا، وَنُصَلِّي خَلْفَهُ قَائِمًا، وَلَوْ شِئْنَا لَأَرْقَانَا وَخَرَجْنَا

Bermaksud: Tanya Humaid: "Pernakah Anas ditanya tentang sembahyang di dalam perahu? 'Abdullah bin Abi 'Utbah maula (hamba bebasan) Anas yang duduk bersama kami terus menjawab: "Aku pernah bermusafir bersama Abu Sa'id al-Khudri, Abu ad-Dardaa' dan Jabir bin 'Abdilllah." Kata Humaid: "Dia menyebutkan nama beberapa orang lagi." "Imam kami bersembahyang di dalam perahu sambil berdiri. Kami juga bersembahyang sambil berdiri di belakangnya. Kalau kami hendak (bersembahyang di atas daratan), niscaya kami dapat berlabuh dan keluar (ke daratan)." Apa kena mengena pula atsar mereka bersembahyang di atas perahu dengan tajuk bab Bukhari r.a. ini? Di mana ada tersebut di dalam atsar itu mereka bersembahyang di atas tikar? Jadi apa tujuan beliau mengemukakannya di sini? Memang seni dan unik cara Bukhari r.a. menyimpulkan sesuatu perkara daripada hadits atau atsar. Di sini dapat anda lihat contoh kesenian dan keunikan caranya itu. Melalui bab ini Bukhari r.a. mahu membuktikan keharusan bersembahyang dengan berlapikkan sesuatu seperti tikar. Dalil dan alasan beliau antaranya ialah: (1) Para sahabat utama seperti Jabir bin Abdilllah dan Abu Sa'id al-Khudri bersembahyang di atas perahu. Kedudukan perahu di atas air sama seperti kedudukan tikar atau lain-lain pelapik di atas bumi. Berdasarkan atsar di atas, mereka bukan dalam keadaan terdesak atau dharurat, malah boleh berlabuh dan bersembahyang di atas daratan. Tetapi itu tidak mereka lakukan, kerana sembahyang harus (boleh) juga ditunaikan di atas perahu. (2) Perahu dibuat daripada kayu. Asal kayu ialah pokok. Pokok pula datang dari tanah atau bumi. Demikian juga dengan tikar. Ia dibuat daripada daun pokok (seperti kurma dan lain-lain). Pokok datang dari tanah atau bumi. Maka seperti mana kita boleh bersembahyang di atas bumi, sepatutnya kita juga boleh bersembahyang di atas sesuatu yang berasal daripada bumi. (3) Apabila seseorang bersembahyang di atas perahu bererti dia bersembahyang dengan berlapikkan dua benda. Pertamanya ialah air dan keduanya ialah papan lantai perahu. Jika sembahyang dengan berlapikkan dua (lapis) benda sah, kenapa pula dengan berlapikkan satu atau selapis benda seperti tikar tidak sah? (4) Imam Bukhari r.a. selalu juga mengambil kira kebiasaan yang berlaku dalam membuat apa-apa kesimpulan di dalam tajuk babnya. Apa yang biasa berlaku ialah apabila orang yang berada di atas perahu hendak bersembahyang, dia akan bersembahyang di atas sesuatu hamparan seperti tikar. Itulah sebabnya beliau mengemukakan cerita Jaabir dan Abu Sa'id bersembahyang di atas perahu. Pada hakikatnya, di sini pun beliau mahu mengemukakan bukti keharusan bersembahyang di atas tikar dan sebagainya. Seperkara lagi yang juga dimaksudkan oleh Bukhari r.a. ialah sembahyang di atas perahu (kapal, kereta api dan sebagainya) hendaklah dikerjakan dengan berdiri selagi seseorang itu mampu berdiri. Apabila tidak mampu, barulah dia boleh mengerjakannya sambil duduk. Antara tokoh 'ulama' yang sependapat dengan beliau dalam masalah ini ialah Malik, Syafi'e, Ahmad, Abu Yusuf, Muhammad bin al-Hasan asy-Syaibani dan lain-lain. Mereka berpegang dengan hadits Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh 'Imraan bin Hushain di mana baginda s.a.w. bersabda: *صل قائما فإن لم تستطع فقاعدا فإن لم تستطع فعلى جنب*. Bermaksud: "Bersembahyanglah kamu sambil berdiri. Kalau sudah tidak mampu, barulah bersembahyang sambil duduk. Kalau

Sambil Berdiri (Di Dalam Perahu) Selagi Kamu Tidak Menyukarkan Kawan-Kawanmu. (Bagaimanapun) Kamu (Hendaklah) Berpusing Bersama Pusingan Perahu Itu. Tetapi Kalau Menyukarkan Mereka, Maka Bersembahyanglah Sambil Duduk."⁴⁶³

٣٦٧ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ جَدَّهُ مُلَيْكَةَ دَعَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِبَطْعَامٍ صَنَعَتْهُ لَهُ فَأَكَلَ مِنْهُ ثُمَّ قَالَ قَوْمُوا فَلَأُصَلِّ لَكُمْ قَالَ أَنَسُ فَقُمْتُ إِلَى حَصِيرٍ لَنَا قَدْ اسْوَدَّ مِنْ طُولِ مَا لَيْسَ فَتَضَعْتُهُ بِمَاءٍ فَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَصَفَفْتُ وَالْيَتِيمَ وَرَأَاهُ وَالْعَجُوزُ مِنْ وَرَائِنَا فَصَلَّى لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَكَعَتَيْنِ ثُمَّ انْصَرَفَ

sambil duduk pun tidak mampu, maka bersembahyanglah dengan berbaring di atas lambung (dengan menyenggeng di atas lambung kanan).” (Riwayat Bukhari r.a., Muslim, Ahmad, Abu Daud, Baihaqi, Ibnu Majah, Ibnu khuzaimah, Daraquthni dan lain-lain). Abu Hanifah pula berpendapat seseorang yang berada di atas perahu dan sebagainya boleh mengerjakan sembahyang sambil duduk walaupun tanpa sebarang keuzuran. Bagi beliau sembahyang sambil duduk merupakan rukhshah untuk orang-orang yang naik perahu atau kenderaan-kenderaan lain seumpamanya, kerana ia merupakan مظنة (suatu keadaan berisiko tinggi untuk berlakunya sesuatu yang tidak disukai) bagi berlakunya pening kepala, loya, muntah bahkan mungkin terjatuh ke dalam sungai atau laut. Rukhshah tetap ada walaupun semua perkara yang tersebut tadi tidak berlaku. Kedaannya sama seperti rukhshah mengqashar dan menjama’kan sembahyang semasa dalam perjalanan (musafir). Mazinahnya ialah kesukaran atau masyaqqah. Kalau tidak ada sekalipun kesukaran atau masyaqqah dalam perjalanan seseorang, rukhshah untuk mengqashar dan menjama’kan sembahyang tetap juga ada untuknya. Qaedah yang dipakai beliau ini sama juga dengan satu lagi qaedah iaitu meletakkan sebab di tempat musabbab (إقامة السبب مقام المسبب). Sebab dalam masalah di atas ialah naik perahu atau berada di atasnya. Musabbabnya pula ialah pening kepala, loya, muntah dan terjatuh ke dalam sungai atau laut. Antara tokoh ‘ulama’ yang sependapat dengan beliau dalam masalah ini ialah Sufyan ats-Tsauri, Hasan bin Malik, Abu Qilaabah, Thawuus dan lain-lain. Dalil dan alasan mereka antaranya ialah atsar Anas bin Malik di mana beliau mengimami orang ramai di dalam perahu dalam keadaan duduk. Atsar Anas ini dikemukakan oleh Baihaqi di dalam Ma’rifatu as-Sunan Wa al-Aatsar.

⁴⁶³ Atsar Hasan Bashri ini diwashalkan oleh Ibnu Abi Syaibah dengan isnad yang sahih. Ini adalah bahagian ketiga dari tajuk bab di atas. Bahagian ketiga ini mengandungi dua perkara. **Pertama:** Ia sama juga dengan bahagian kedua daripada segi menyatakan kewajipan bersembahyang sambil berdiri di atas perahu jika mampu. Cuma ia mempunyai qaid yang menghilangkan kemutlakan suruhan atau perintah supaya bersembahyang sambil berdiri, iaitu selagi tidak menyusahkan kamu atau kawan-kawanmu (sama ada yang bersembahyang bersamamu atau tidak). **Kedua:** Mengikut Qasthallaani kata-kata Hasan bahawa: (Bagaimanapun) Kamu (hendaklah) berpusing bersama pusingan perahu itu bermaksud, kamu hanya perlu mengadap qiblat ketika memulakan sembahyang sahaja. Setelah itu tidak perlu lagi kamu mengadapnya. Ikut saja pusingannya tanpa bersusah payah memusingkan diri untuk menjaga arah qiblat. (تدور مع السفينة حيثما دارت). Antara tokoh yang sependapat dengan Qasthallaani dalam memahami kata-kata Hasan itu ialah Maulana Nurul Haq anak Syeikh ‘Abdul Haq ad-Dihliwi di dalam syarah Bukhari r.a. Farsinya yang bernama Taisir al-Qari, Syeikh Muhammad yang dikenali sebagai Syaikhul Islam iaitu salah seorang ‘ulama’ dari keturunan Syeikh ‘Abdul Haq di dalam catitan beliau di tepi kitab Taisir al-Qari tersebut (juga di dalam bahasa Farsi) dan Maulana Wahiduzzaman di dalam syarah bukharnya di dalam bahasa Urdu. Tetapi Ibnu Rajab al-Hambali di dalam Fathul Barinya, Syaikh Zakariyya di dalam Hasyiah Laami’ ad-Daraarinya dan Maulana Muhammad Hasan al-Makki di dalam Taqirinya mengatakan bahawa maksud Hasan Bashri dengan kata-katanya itu ialah: (Bagaimanapun) Kamu (hendaklah) berpusing dengan berpusingnya perahu itu untuk terus mengadap qiblat apabila perahu itu berpusing ke arah yang lain. Bagi penulis pendapat golongan kedua tadi tidak praktikal, lebih-lebih lagi kepada orang-orang yang berjema’ah di atas perahu atau lain-lain kenderaan seumpamanya. Adapun maksud Hasan Bashri sebenarnya, tidaklah dapat ditentukan secara mu’tamad sama ada menyebelahi golongan pertama atau golongan kedua. Ibnu Rajab bagaimanapun berkata: “Kemestian menjaga arah qiblat walaupun dengan berpusing di atas perahu itu hanya dalam keadaan seseorang mampu melakukannya. Jika orang-orang yang bersembahyang di atas perahu itu tidak mampu melakukannya kerana bimbangan kemudharatan yang mungkin berlaku ke atas diri mereka, maka memadailah mereka mengadap qiblat di permulaan sembahyang sahaja.” Seterusnya Ibnu Rajab berkata: “Demikianlah ketentuan hukum yang diberikan oleh Malik, Ahmad dan lain-lain imam selain mereka berdua.”

367- 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya, Malik memberitahu kami daripada Ishaq bin 'Abdullah bin Abi Thalhah daripada Anas bin Malik bahawa neneknya Mulaikah⁴⁶⁴ telah menjemput Nabi s.a.w. untuk makan makanan yang telah disediakannya untuk Beliau s.a.w. Nabi s.a.w. memakan sebahagian daripada makanan itu kemudian berkata: Bangunlah, biar aku mengimami kamu bersembahyang.⁴⁶⁵ Kata Anas: Aku langsung pergi mengambil tikar kami yang telah kehitaman kerana lama telah digunakan. Kurenjiskannya dengan air.⁴⁶⁶ Rasulullah s.a.w. pun berdiri dan aku bersama seorang anak yatim membuat saf di belakang baginda.⁴⁶⁷ Nenekku yang tua itu pula berada di belakang kami. Rasulullah s.a.w. bersembahyang dua raka'at bersama kami, kemudian beliau pun berangkat pulang."⁴⁶⁸

⁴⁶⁴ Para 'ulama' berbeza pendapat tentang Mulaikah ini, adakah dia nenek kepada Anas atau nenek kepada Ishaq? Puncanya ialah mereka tidak sekata dalam menentukan dhamir pada perkataan جَدَّةَ يَهْ tersebut sebelumnya. Adakah ia meruju' kepada Anas atau Ishaq? Hafiz Ibnu Hajar, Ibnu 'Abdil Barr, 'Abdul Haq dan Qadhi 'Iyaadh berpendapat dhamir itu meruju' kepada Ishaq. Imam Nawawi menyahihkannya. Ibnu Sa'ad, Ibnu Mandah dan Ibnu al-Hasshaar pula yakin dhamir itu kembali kepada Anas. Imamul Haramain, Ibnu Rajab dan lain-lain adalah antara yang berpendapat demikian. Kedua-dua pendapat itu boleh diterima dan tidak bercanggah sebenarnya. Kerana Anas adalah anak Ummu Sulaim. Ummu Sulaim pula adalah anak Mulaikah. Ishaq pula adalah anak 'Abdullah. 'Abdullah, ayah Ishaq ini adalah anak Abu Thalhah dengan Ummu Sulaim. Ummu Sulaim pula adalah anak Mulaikah. Ini bererti Mulaikah adalah nenek sebenar Anas dan nenek kedua bagi Ishaq. Di dalam bahasa 'Arab nenek kedua (ibu kepada nenek seseorang) juga dipanggil جَدَّةَ .

⁴⁶⁵ Selepas makan Rasulullah s.a.w. mengajak mereka bersembahyang kerana baginda sedar kedatangan baginda ke sesuatu tempat membawa keberkatan. Lebih-lebih lagi apabila beliau bersembahyang di tempat itu. Itulah yang difahami dan diyakini para sahabat sewaktu Rasulullah s.a.w. masih hidup bersama mereka. Mungkin Rasulullah s.a.w. mengajak mereka bersembahyang untuk menunjukkan cara-cara bersembahyang terutamanya kepada nenek tua yang jarang-jarang dapat ke masjid untuk berjema'ah kerana keuzuran. Mungkin juga Rasulullah s.a.w. mengajak mereka bersembahyang kerana baginda s.a.w. sedar, orang-orang perempuan walaupun pergi ke masjid beliau, mereka berada terlalu jauh di belakang. Ini disebabkan oleh terlalu ramainya jema'ah lelaki. Dengan itu tidak dapatlah mereka menyaksikan sembahyang Rasulullah s.a.w. seperti orang-orang lelaki. Adapun anak-anak remaja seperti Anas, mereka pada umumnya tidak ketinggalan dalam bersembahyang jema'ah bersama Nabi s.a.w. di masjid. Cara-cara sembahyang Nabi s.a.w. tentu sekali tidak tersembunyi kepada mereka.

⁴⁶⁶ Tujuan Anas merenjiskan tikar itu boleh jadi untuk menghilangkan kehitamannya, boleh jadi juga untuk melembutkannya.

⁴⁶⁷ Inilah kaifiat bersembahyang jema'ah yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. Saf laki-laki adalah di belakang imam. Sementara saf perempuan pula adalah di belakang saf laki-laki. Jika perempuan yang bersembahyang jema'ah itu hanya seorang sahaja, dia juga dikehendaki berada di belakang saf laki-laki. Perempuan tidak boleh berdiri di sebelah lelaki dan sejajar dengannya tanpa dinding atau skrin, walaupun lelaki yang berdiri di sebelahnya itu adalah mahramnya atau anak cucunya. Anak yatim yang disebutkan oleh Anas itu bernama Dhumairah bin Abi Dhumairah. Ayahnya Abu Dhumairah bernama Rauh atau mengikut Bukhari r.a. bernama Sa'ad al-Himyari. Abu Dhumairah adalah maula (hamba bebasan) Nabi s.a.w.

⁴⁶⁸ Banyak sekali pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini. Antaranya ialah: (1) Menerima undangan dan jemputan untuk makan walaupun daripada seorang perempuan, dengan syarat tidak ada fitnah. (2) Jemputan untuk makan tidak semestinya berupa kenduri kahwin. (3) Keharusan bersembahyang sunat dengan berjema'ah di rumah. (4) Elok membersihkan tempat sembahyang atau pelapik sembahyang seperti sejadah dan lain-lain. (5) Kanak-kanak boleh berdiri di dalam saf orang dewasa untuk bersembahyang. (6) Saf orang perempuan hendaklah berada di belakang saf orang lelaki. (7) Dalam keadaan sendirian tanpa teman ketika bersembahyang jema'ah, perempuan hendaklah bersendirian di safnya. (8) Sembahyang sunat di waktu siang boleh juga dibuat dua raka'at. (9) Sembahyang dan wudhu' kanak-kanak mumaiyyiz adalah sah. (10) Keharusan bersembahyang dan